

SANUSI
Junid



Ilmu bangkitkan keberanian umat, bangsa

BH- 2/8/2009

Dr Mahathir perjuangankan Melayu, berani pertahan kebenaran hujah dengan bijaksana

PADA Selasa 28 Julai 2009 saya ditanya oleh seorang wartawan mengenai pendapat saya berkaitan Tun Dr Mahathir Mohamad yang dituduh sebagai seorang rasis.

Bagi menjawabnya saya menyatakan: "Semua individu yang memperjuangkan bangsanya, atau rasnya, akan dituduh rasis oleh mereka yang mahu 'status quo' dikekalkan.

Ada juga golongan yang tidak peduli terhadap perbezaan atau ketidakadilan yang wujud. Seseorang ahli politik yang puas hati kerana rasnya dominan pasti akan mengemcam tokoh yang ingin mengimbangkan suasana itu.

Seseorang negarawan seperti Dr Mahathir yang memperjuangkan keamanan di seluruh dunia dan terkenal dengan gerakan antiperang yang ditajanya, pasti inginkan keamanan di dalam negaranya.

Untuk itu, sebagai negarawan yang sedemikian bijaksana, beliau memperjuangkan sesiapa saja, atau kaum mana juga, yang tertekan dan ketinggalan, apatah lagi kaumnya atau rasnya sendiri, kerana keadaan yang tidak seimbang dan tidak adil, dalam masyarakat boleh membawa kepada huru-hara dalam negara.

Banyak cerdik pandai pada akhir-akhir ini tidak peduli nasib orang Melayu, termasuk kalangan orang Melayu sendiri kerana pendedahan mereka di bidang sejarah dan politik sangat terbatas.

Satu keistimewaan yang ketara yang ada pada Dr Mahathir ialah 'keberaniannya'. Beliau berani menyatakan apa yang beliau dapati benar dan penting untuk dihebahkan.

Beliau juga ternyata dan terbukti, berkemampuan bertindak mem-

pertahankan kebenaran itu dengan penuh keyakinan walaupun beliau mungkin akan hilang popularitinya dengan bersikap demikian.

Apakah sikap berani itu masih perlu dalam sesebuah masyarakat atau dalam kepemimpinan organisasi dan negara?

Dalam sebuah buku bahasa Arab yang bertajuk *Mengapa kaum Muslimin Mundur Dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju*, Al Amier Syakib Arsalan sudah mengambarkannya bahawa... hanya mereka yang berani mati yang layak hidup.

Syakib Arsalan menjelaskan... betapa kaum Muslimin pada akhir zaman akan menjadi mundur kerana mereka terkena penyakit 'takut kepada mati' (*wahnu*) dan 'cinta kepada dunia' (*hibbud dunya*).

Maksud Syakib Arsalan tidaklah termasuk berani membunuh orang lain dengan membunuh diri sendiri seperti yang dilakukan oleh pembom berani mati di Hotel JW Marriott dan Ritz-Carlton, di Jakarta baru-baru ini. Kerja begini pasti tidak mengeluarkan kaum Muslimin daripada kemunduran. Keberanian begini hanya akan menyebabkan huru-hara di dalam negara. Tercetusnya huru-hara dalam negara bukanlah satu prasyarat untuk mencapai kemajuan.

Keberanian yang dimaksudkan ialah keberanian untuk berfikir dengan jujur, berkata-kata yang benar, walau pahit sekalipun dan bertindak dengan berani atas keputusan yang di fikirkan perlu, patut dan bijak.

Sifat berani begini sudah tentu tidak ada pada seseorang individu atau pemimpin yang ingin popular untuk kepentingan jawatan, politikanya.

Pada satu masa dulu orang Me-

layu berasa selesa dengan kedudukan politiknya, bimbang dengan kedudukannya dalam bidang ekonomi dan takut hilang kuasa politik tanpa menguasai bidang ekonomi.

Orang berketurunan Cina pula berasa selesa dengan kedudukannya dalam bidang ekonomi, bimbang dengan keadaannya di dalam politik dan takut hilang penguasaan ekonomi tanpa pembaikan kedudukan dalam bidang politik.

Orang berketurunan India dulu berasa berjasa kerana dapat memainkan peranan sebagai orang tengah yang dihormati apabila ada pergeseran di antara Melayu dan Cina.

Kaum India bimbang mengenai kedudukannya dalam bidang ekonomi dan takut kerana tiada satu pun kawasan Parlimen yang majoritinya orang keturunan India.

Orang Melayu, Cina dan India di Semenanjung pernah percaya kepada pemimpin dan terus menyokongnya kerana sikapnya yang lemah lembut dan latar belakang agamanya.

Mereka memberi penuh kepercayaan kepada dasar dan perancangan kerajaan. Mereka memberi peluang *benefit of the doubt* kepada pemimpin yang mereka percaya ini sehingga Barisan Nasional (BN) mendapat kemenangan yang terbaik di dalam sejarah, sejak merdeka, pada Pilihan Raya Umum 2004.

Ternyata dasar, rancangan dan pelaksanaan yang dipercayai sepenuhnya itulah yang mengakibatkan prestasi terburuk pada Pilihan Raya Umum 2008.

Orang Melayu di Malaysia kini tidak selesa lagi dengan kedudukannya dalam bidang politik, bimbang dengan kedudukannya di dalam bidang ekonomi dan takut hi-



SATU keistimewaan ketara ada pada Dr Mahathir ialah berani menyatakan apa yang beliau dapati benar dan penting untuk dihebahkan.

lang kuasa politik sekali gus terjunam dengan kedudukannya di bidang ekonomi.

Kini Melayu dalam keadaan takut dan bimbang. Kerana itu timbulah tanda tanya apakah kita perlu percaya atau tidak kepada diri kita lagi.

Seseorang bayi yang terbangun pada waktu malam dalam ketakutan, akan membangunkan ibunya, seseorang isteri akan membangunkan suaminya jika ketakutan pada waktu malam. Jiran tetangga menjadi anggota satu pasukan jika kampung halaman berdepan dengan ancaman.

Bagaimanakah jika bangsa itu dalam ketakutan? Bangsa itu akan mencari pemimpin, ulama, pujangga, seniman dan filosof. Bagaimanakah jika filosof tidak mampu berfikir lagi; seniman sudah hilang daya kreatifnya; pujangga menghilangkan diri dan ulama lupa pada ajaran agamanya.

Umumnya masyarakat di Malay-

sia, yang hidup dalam selesa kurang berasa penting untuk menoleh ke belakang dan meninjau sejarah kebangkitan bangsa dan perjuangan menuju kemerdekaan.

Kita tidak minat membaca. Lantaran itu sangat kurang pengetahuan mengenai sejarah bangsa sendiri. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pemimpin baru, untuk mengenal dan memperkenalkan tokoh Melayu dan tokoh Islam, seniman dan pujangga Melayu dan Islam, supaya orang Melayu dapat membangun untuk memperjuangkan dan mengawasi kestabilan politik, keadilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Semangat enam juta Yahudi di Eropah pada waktu Perang Dunia Kedua sangat pasif dan lemah. Mereka sanggup berjalan dengan perlahan-lahan untuk memasuki 'gas chamber', atau dengan tertib menaiki trak dan kereta api yang membawa mereka ke pusat tahanan (*concentration camp*) di seluruh Eropah.


Mereka berjalan menuju kematian dan mereka berjalan dengan sabar dan perlahan-lahan. Jika mereka berani sudah tentu daripada akan memilih jalan lain untuk mati berjuang mempertahankan hak mereka.

Itu Yahudi pada zaman Hitler. Lihatlah kepada Yahudi di Israel sekarang. Walaupun jumlah umat Islam berlipat ganda lebih daripada jumlah Yahudi di Israel, tetapi Israel tegak sebagai kaum yang berani dan megah.

Itulah sebabnya Lee Kuan Yew dilaporkan sudah berucap pada majlis meraikan Presiden Chaim Herzog dari Israel dengan kata-kata yang bermaksud: "Kamu sudah berjaya mengajar umat Islam di padang pasir, ajarlah kami bagaimana menghadapi umat Islam di hutan belantara."

Tan Sri Sanusi Junid adalah veteran politik, pernah menjawat Naib Presiden Umno dan Menteri Kabinet

RAGAM



Zoy